

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09/09/2017

Isu dibangkit semasa pertemuan Najib-Trump

KUALA LUMPUR 8 Sept - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan membangkitkan isu penindasan terhadap etnik Rohingya di Myanmar semasa pertemuan beliau bersama Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada 12 September ini.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan antara topik perbincangan semasa lawatan kerja beliau ke negara tersebut selain bakal membincangkan isu antikeganasan, rundingan bilateral, pelaburan dan keselamatan serantau.

"Kita mengulangi pendirian untuk terus memperjuangkan isu Rohingya yang kita anggap sebagai isu kemanusiaan dan bukannya isu keagamaan.

"Pendirian Barisan Nasional (BN) adalah jelas dengan mengambil kira bahawa ada demonstrasi aman yang dilakukan hari ini mengikut lunas undang-undang, kita akan mengemukakan pendirian kita daripada rakyat," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan penyelesaian berhubung isu kekejaman terhadap etnik Rohingya itu akan turut dilakukan dalam proses ASEAN dan forum-forum seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Kata beliau, Malaysia akan melancarkan misi kemanu-



UM-9/9/2017
Pg. 2

Kita mengulangi pendirian untuk terus memperjuangkan isu Rohingya yang kita anggap sebagai isu kemanusiaan dan bukannya isu keagamaan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

siaan yang diluluskan kerajaan melalui Kementerian Pertahanan untuk memberi bantuan terus kepada mereka yang melarikan diri ke Chittagong, Bangladesh.

"Esok saya akan lancarkan misi kemanusiaan ke Chittagong untuk membantu masyarakat Rohingya yang berlindung di sana kerana kita sudah mendapat 'lampu hijau' daripada Bangladesh," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kunjungan ke Rumah Putih atas undangan Trump, Perdana Menteri berkata, ia adalah saluran terbaik untuk mengukuhkan hubungan bilateral kedua-dua negara.

Kata beliau, kunjungan itu akan turut dimanfaatkan untuk melobi Malaysia sebagai rakan dagang AS kukuh, seterusnya membuka pintu pelaburan dua hala.